

Pelaksanaan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Sarikei

Implementation of School Transformation Program 2025 (TS25) among Primary School Teachers in Sarikei District

VILIANA KONG SU HUNG & NOR AZWAHANUM NOR SHAID

ABSTRAK

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilancarkan dengan memfokuskan sokongan terhadap sekolah dan kepakaran sekolah secara berterusan demi meningkatkan kemenjadian murid dan kualiti sekolah. Kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran dalam Program TS25 di sekolah rendah Daerah Sarikei dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan Modul 3 di sekolah rendah Daerah Sarikei. Reka bentuk kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang berasaskan kajian kes. Kaedah kajian yang digunakan ialah teknik temu bual, kaedah analisis dokumen dan pemerhatian. Perisian Analisis Data Kualitatif Berbantuan Komputer (CAQDAS), iaitu perisian NVivo versi 14 telah digunakan untuk menganalisis data kajian. Dalam kajian ini telah mengesan dua objektif kajian, iaitu meneroka pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di sekolah rendah Daerah Sarikei, dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di sekolah rendah Daerah Sarikei. Dalam kajian ini telah mendapati beberapa faktor seperti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21), BBM (BBM), gaya pembelajaran murid, peranan guru, pentaksiran murid dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) telah memainkan peranan yang penting dalam usaha melaksanakan PdP berteraskan TS25. Selain itu, cabaran seperti kekangan bahasa, kekangan masa, kekurangan kemahiran guru, kekurangan BBM, dan kelemahan pengurusan sekolah turut telah mempengaruhi pelaksanaan TS25 dalam PdP. Kajian ini juga telah memberi implikasi yang besar terutamanya terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid. Oleh itu, semua guru perlu bersedia dari segi mental dan emosi demi menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyenangkan serta mewujudkan PdP yang aktif serta bermakna.

Kata kunci: Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25); Modul 3: Menerajui Pembelajaran; pelaksanaan; sekolah rendah; cabaran

ABSTRACT

The School Transformation Program 2025 (TS25) is an effort by the Malaysian Ministry of Education launched by focusing support on schools and school expertise continuously in order to improve student achievement and school quality. This study was conducted to explore the implementation of Module 3: Leading Learning in the TS25 Program in Sarikei District primary schools and to identify the challenges faced by teachers in the implementation of Module 3 in Sarikei District primary schools. The design of this study is qualitative research based on a case study. The research methods used are interview techniques, document analysis and observation. Computer Aided Qualitative Data Analysis Software (CAQDAS), namely NVivo version 14 software, was used to analyze the study data. In this study, two research objectives have been identified, namely exploring the implementation of Module 3: Leading Learning in the School Transformation Program 2025 (TS25) in primary schools in Sarikei District, and identifying the challenges faced by teachers in the implementation of Module 3: Leading Learning in the School Transformation Program 2025 (TS25) in Sarikei District primary school. In this study, it has been found that several factors such as 21st Century Learning (PAK21), Teaching Aids (BBM), student learning style, teacher's role, student assessment and Daily Lesson Plans (RPH) have played an important role in implementing PdP based TS25. In addition, challenges such as language constraints,

time constraints, lack of teacher skills, lack of BBM, and weaknesses in school management have also affected the implementation of TS25 in PdP. This study has also given great implications especially for teacher teaching and student learning. Therefore, all teachers need to be mentally and emotionally prepared in order to provide a fun learning environment and create active and meaningful teaching and learning.

Keywords: School Transformation Program 2025 (TS25); Module 3: Leadership Learning; implementation; primary schools; challenges

PENGENALAN

Program TS25 merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dilancarkan dengan memfokuskan sokongan kepada sekolah dan kepakaran sekolah secara berterusan demi meningkatkan kejayaan murid dan kualiti sekolah. Program ini berkonsepkan penambahbaikan seluruh sekolah iaitu penerapan amalan terbaik dan pelaksanaan pedagogi dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Program TS25 bertujuan untuk merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui amalan PdP yang baik, kepakaran dalam aspek pedagogi dan kepimpinan serta membangunkan persekitaran pembelajaran afektif (Abdul Razak et al. 2022). Di sini, guru bukan sahaja perlu membantu murid mencapai kejayaan dalam akademik, malah juga perlu membangunkan tenaga kerja.

Bagi menjayakan TS25, KPM telah memperkenalkan lapan modul. Dalam kajian ini, pengkaji hanya meneliti Modul 3, iaitu Menerajui Pembelajaran. Dalam modul 3, iaitu Menerajui Pembelajaran memfokuskan kepada pedagogi guru yang menjana perkembangan murid. Di sini, ia merujuk kepada amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21), penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), pelbagai gaya pembelajaran, penerapan penilaian berterusan, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), dan perancangan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Oleh itu, guru merupakan nadi utama untuk menentukan hala tuju sesebuah sekolah dan murid (Serirama et al. 2019).

Oleh itu, modul 3 ini juga memberi pendedahan kepada guru tentang Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) dan PAK21. Hal ini adalah perkara yang paling penting bagi pendidik untuk memastikan PdP berkesan kepada murid kerana ini merupakan faktor kejayaan akademik murid (Serirama et al. 2019). SKPMg2 diperkenalkan oleh KPM bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru (Subasiny dan Yusoff 2022). Dengan pelaksanaan kajian ini, diharapkan semua sekolah dan guru bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menerima transformasi dan menyediakan

persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan kepada murid.

PENYATAAN MASALAH

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh KPM untuk meningkatkan kualiti pedagogi guru dan menjamin kejayaan murid mengikut konsep TS25 (Jamilah Sulaiman 2020). TS25 juga bertujuan untuk mencapai matlamat yang terkandung dalam PPPM 2013-2025, iaitu dengan menerapkan amalan terbaik dalam kepimpinan dan pengurusan serta mengaplikasikan pedagogi dalam PdP (Mohd Rassidi Saini dan Mohd Isa Hamzah 2023). Selain itu, Program TS25 bertujuan untuk melaksanakan pembelajaran koperatif kepada murid, yang boleh dicapai melalui pelaksanaan integrasi e-pembelajaran di sekolah (KPM 2019). Oleh itu, guru perlu mengetahui semua modul yang terkandung dalam program TS25 agar dapat menjalankan PdP dengan berkualiti.

Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru apabila mengaplikasikan modul 3 dalam TS25 semasa menjalankan PdP di dalam bilik darjah. Faktor utama yang paling ketara adalah kekurangan kemudahan infrastruktur dan bahan bantu mengajar (BBM). Dalam kajian Mohd Zaidi Haji Mohd Zeki, Ahmad Zabidi Abdul Razak dan Rafiza Abd. Razak (2020), suasana pembelajaran di sekolah luar bandar kurang kondusif dan mengganggu tumpuan PdP kerana ruang pembelajaran kelihatan suram dan bekalan elektrik tidak stabil serta kedudukan kelas tidak strategik. Dalam kajian Serirama et al. (2019) juga telah menyatakan bahawa guru sekolah rendah di luar bandar Sabah menghadapi masalah dalam PdP kerana kemudahan infrastruktur dan BBM adalah sangat terhad.

Kesimpulannya, terdapat kekurangan kajian berkaitan Modul 3: Menerajui Pembelajaran Program TS25 yang dijalankan di sekolah luar bandar. Dengan ini, kajian ini diperlukan untuk meneroka pelaksanaan modul ini di sekolah rendah Daerah Sarikei dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaannya. Justeru

itu, kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkenaan di samping dapat menyokong hasrat yang terkandung dalam PPPM 2013-2025.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah pelaksanaan Modul 3: Pembelajaran Peneraju Dalam Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) dilaksanakan di sekolah rendah Daerah Sarikei?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di sekolah rendah Daerah Sarikei?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneroka pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di sekolah rendah Daerah Sarikei.
2. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di sekolah rendah Daerah Sarikei.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan sesuatu kajian (Merriam 2001). Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif berdasarkan kajian kes. Menurut Zamri Mohamad (2022), kajian kes boleh digunakan untuk mengumpul data kualitatif dan mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang masalah yang dikaji, iaitu mengkaji satu fenomena di satu lokasi. Fenomena yang dikaji merujuk pelaksanaan TS25 dalam PdP, manakala satu lokasi dimaksudkan sebuah sekolah luar bandar sebuah daerah Sarikei di Negeri Sarawak.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan. Semua peserta kajian yang dipilih adalah berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang pernah terlibat dan mengikut bengkel “Latihan Modul 1 hingga 9 secara dalam Talian serta Sokongan dan Bimbingan oleh *Educational Leadership and Instructional Team (ELIT)* di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2021” dan pernah mengikuti “Taklimat Penyelarasan Aktiviti dan Latihan program Transformasi Sekolah 2025 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sarikei Tahun 2021” anjuran PPD Sarikei. Dengan ini, kajian ini hanya melibatkan dua guru mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu (BM) sekurang-kurangnya 5 tahun.

Dalam kajian ini, kaedah temu bual merupakan kaedah utama kepada pengkaji untuk mendapatkan data kualitatif (Patton 2002). Selain itu, maklumat juga telah diperolehi dengan melalui pemerhatian daripada pengkaji termasuklah rakaman video yang dijalankan semasa proses pemerhatian. Analisis dokumen merupakan satu kaedah kajian untuk membuat kesimpulan dari teks bertujuan meningkatkan kefahaman pengkaji (Nur Ain Elzira Abdullah 2018). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) telah dianalisis dengan menggunakan borang senarai semak. Segala maklumat yang dapat daripada analisis dokumen dilaporkan dalam bentuk laporan (Sabitha 2005). Oleh itu, gabungan data daripada 3 kaedah pengumpulan data dapat membuat triangulasi data dalam kajian ini (Merriam 2001).

DAPATAN KAJIAN

Dua orang guru Bahasa Melayu telah dipilih secara persampelan bertujuan. Profil peserta kajian yang dipilih adalah seperti Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Maklumat profil peserta kajian

Peserta Kajian	Jawatan	Subjek Diajar	Tahap Pendidikan	Tahun Perkhidmatan	Umur
A	Penolong Kanan Pentadbiran	BM	Sarjana	24	47
B	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	BM	Sarjana Muda	8	33

PELAKSANAAN MODUL 3: MENERAJUI PEMBELAJARAN DALAM PROGRAM TRANSFORMASI SEKOLAH 2025 (TS25) DI SEKOLAH RENDAH DAERAH SARIKEI

Protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen telah digunakan untuk mengumpulkan data dalam menjawab persoalan kajian pertama (Jadual 2).

JADUAL 2. Pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran dalam Program TS25 di sekolah rendah daerah Sarikei

Kategori	Tema	Subtema
Pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran dalam Program TS25 di sekolah rendah daerah Sarikei	6.1.1 PAK21	- Aktiviti PAK21
	6.1.2 BBM	- Penyediaan BBM
	6.1.3 Gaya pembelajaran murid	- Perancangan aktiviti PdP
	6.1.4 Peranan guru	- OP dan KK - Strategi pengajaran - Sumber dan bahan - Iklim bilik darjah dan membuat persediaan awal - Merancang PdP
	6.1.5 Pentaksiran murid	- Pentaksiran
	6.1.6 RPH	- Penulisan dan perkongsian OP dan KK

6.1.1 PAK21

Berikut adalah hasil temu bual dengan peserta kajian.

Peserta Kajian:aktiviti PdP berpusatkan murid, murid berkomunikasi, kolaboratif antara satu sama lain, berfikir secara kritis dan kreatif ataupun memupuk nilai dan etika dalam dalam murid.....

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Semasa PdP dijalankan, aktiviti yang paling diminati murid adalah aktiviti berkumpulan atau aktiviti yang mempunyai unsur didik hiburan.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Dengan ini, murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam PdP.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Aktiviti yang membolehkan murid-murid melibatkan diri dalam PdP adalah belajar secara amali atau praktikal.

(PKB/TB/PK1)

Berikut adalah hasil pemerhatian dengan peserta-peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Aktiviti PdP yang dirancang adalah berpusatkan murid seperti aktiviti kumpulan *Gallery Walk*. Aktiviti perkongsian video dan pengajaran melalui Powerpoint dan aktiviti berkumpulan *Gallery Walk* amat diminati oleh murid.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Murid menunjukkan minat yang tinggi apabila diberi peluang untuk menerokai jawapan dan membuat persembahan di hadapan kelas.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Murid amat gemar apabila diberi peluang melibatkan diri dalam persembahan dan menerokai jawapan. Murid berkomunikasi sesama diri untuk mencari jawapan.

(PKB/CP/PK1)

6.1.2 BBM

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual bersama peserta kajian.

Peserta Kajian: BBM dan sumber pengajaran yang berdasarkan pendigitalan adalah mampu menggalakkan pemikiran KBAT dan penglibatan murid secara aktif dalam PdP.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Penglibatan murid amat baik. Semua murid berkomunikasi dan bekerjasama antara sama lain untuk mencuba menjawab soalan dengan betul.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: BBM yang interaktif dan menyeronokkan dapat mencungkil KBAT dalam kalangan murid.

(PKB/TB/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada analisis dokumen peserta-peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: Alat bantu mengajar yang dipilih adalah sesuai, iaitu penggunaan Powerpoint dan tayangan video. Penglibatan murid dalam PdP adalah aktif.

(PKA/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Guru memilih teks cerita yang telah sedia ada di dalam buku teks. Kemudian, murid diminta membuat persembahan.

(PKB/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Teks cerita dan topeng haiwan disediakan untuk murid.

(PKB/CAD/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada catatan pemerhatian peserta-peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Guru menggunakan BBM seperti Powerpoint dan video. Pembelajaran koperatif seperti aktiviti Gallery Walk juga diaplikasikan dalam PdP.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Penggunaan Powerpoint dan video digunapakai oleh guru dalam PdP.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru menyediakan teks cerita haiwan yang senang difahami dan mudah dilafazkan oleh murid.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru telah menyediakan aktiviti *Take Five* kepada murid.

(PKB/CP/PK1)

6.1.3 Gaya Pembelajaran Murid

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual bersama peserta kajian.

Peserta Kajian: ... Masa kita mengajar, mungkin kita mempelbagaikan pendekatan pengajaran, contohnya kita mengambil pembelajaran berasaskan masalah dan pembelajaran inkuiri. Di sinilah, mungkin ada murid faham dengan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dan sesetengah murid lain faham dengan pengajaran pendekatan pembelajaran inkuiri.

(PKA/TB/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian bersama peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Guru dapat mengesan gaya pembelajaran berbeza dalam kalangan murid. Guru dapat merancang aktiviti PdP yang sesuai dengan semua murid...

(PKA/CP/PK1)

6.1.4 Peranan Guru

a. OP dan KK

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual bersama peserta-peserta kajian.

Peserta Kajian:menentukan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan yang kita inginkan murid mencapainya.....

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Dalam RPH, kita ada merancang objektif pembelajaran, aktiviti PdP yang mengikut pengetahuan sedia ada murid dan isi pelajaran yang hendak dipelajari oleh murid, dan selepas PdP, kita mencatat refleksi untuk sebagai panduan PdP seterusnya...

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: ...perancangan aktiviti dalam PdP terutamanya ketika hendak menentukan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan perlu berdasarkan tahap murid-murid kelas tersebut.

(PKB/TB/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada analisis dokumen peserta-peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: Guru menjelaskan objektif pembelajaran dengan murid dan menuliskannya di papan tulis.

(PKB/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Guru ada berkongsi dan menulis kriteria kejayaan yang hendak dicapai oleh murid di hadapan papan putih.

(PKB/CAD/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta-peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: OP dan KK telah dicapai dengan mengikut aktiviti PdP yang dirancang.

(PKA/CAD/PK1)

b. Strategi pengajaran

Berikut merupakan hasil dapatan daripada analisis dokumen peserta-peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: Guru dapat mengesan gaya pembelajaran berbeza dalam kalangan murid. Guru dapat merancang aktiviti PdP yang sesuai dengan semua murid.

(PKA/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Guru memilih kaedah PAK21 yang senang difahami dan sesuai dengan murid, iaitu persembahan cerita haiwan dan aktiviti Take Five.

(PKB/CAD/PK1)

c. Sumber dan bahan

Berikut merupakan hasil dapatan daripada analisis dokumen peserta-peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: BBM yang dipilih adalah sesuai, iaitu penggunaan Powerpoint dan tayangan video. Penglibatan murid dalam PdP adalah aktif.

(PKA/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Guru memilih teks cerita yang telah sedia ada di dalam buku teks. Kemudian, murid diminta untuk membuat persembahan.

(PKB/CAD/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta-peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Guru menggunakan BBM seperti Powerpoint dan video. Pembelajaran koperatif seperti aktiviti Gallery Walk juga diaplikasikan dalam PdP.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Penggunaan Powerpoint dan video diguna pakai oleh guru dalam PdP.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru menyediakan teks cerita haiwan yang senang difahami dan mudah dilafazkan oleh murid.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru telah menyediakan aktiviti Take Five kepada murid.

(PKB/CP/PK1)

d. Iklim bilik darjah dan membuat persediaan awal

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual peserta kajian.

Peserta Kajian: setiap awal tahun sebelum mulanya sesi persekolahan yang baharu, kita merancang rancangan pengajaran tahunan (RPT), itulah kita merancang sukatan dan huraian sukatan pelajaran yang bersesuaian dengan takwim persekolahan dan sebagainya.....

(PKA/TB/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta kajian.

Catatan pemerhatian: Guru memberi bimbingan semasa aktiviti PdP dijalankan.

(PKA/CP/PK1)

e. Merancang PdP

Berikut merupakan hasil dapatan daripada analisis dokumen peserta-peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: Guru merancang set induksi dengan menayangkan video. Aktiviti utama pengajaran yang dirancang adalah guru membimbing murid membaca petikan dan seterusnya meminta murid meneliti petikan. Justeru, murid dibahagi kumpulan untuk menjalankan aktiviti PAK21 iaitu aktiviti Gallery Walk. Akhir sekali, sebagai penutup, guru mengagihkan lembaran kerja sebagai pentaksiran. Kemudian, guru membuat perbincangan bersama murid.

(PKA/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Pada set induksi, guru menerangkan cerita haiwan dalam buku teks. Manakala, guru meminta murid membaca teks cerita haiwan dan mempersembahkannya dengan memakai topeng haiwan. Justeru, murid perlu menilai persembahan rakan dengan memberikan isyarat ibu jari. Seterusnya, murid juga diberikan aktiviti PAK21, Take Five dan perbincangan dijalankan antara murid dan guru. Sebagai penutup, murid merumuskan isi pelajaran dengan bimbingan guru.

(PKB/CAD/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta-peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti PdP. Murid bekerjasama dan menunjukkan motivasi yang tinggi semasa PdP dijalankan.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Murid bekerjasama apabila diagihkan kumpulan untuk membuat perbincangan.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru amat yakin semasa menyampaikan PdP kerana beliau sudah merancang aktiviti PdP yang hendak dijalankan dalam RPH dengan teliti.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru amat yakin semasa menyampaikan PdP kerana beliau sudah merancang aktiviti PdP yang hendak dijalankan dalam RPH dengan teliti.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Semua murid melibatkan diri dalam aktiviti berkumpul untuk mencari jawapan supaya dapat menjadi kumpulan pertama.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Murid bekerjasama dengan guru untuk mempelajari BM.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Dalam PdP, guru telah bertindak sebagai perancang dan yakin diri apabila menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru sebagai fasilitator kepada murid dengan membimbing murid menjayakan persembahan dan mencari jawapan dengan betul.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Aktiviti yang dirancang adalah sesuai untuk mencapai OP dan KK.

(PKB/CP/PK1)

6.1.5 Pentaksiran Murid

a. Pelaksanaan pentaksiran

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual bersama peserta kajian.

Peserta Kajian: Antara instrumen pentaksiran yang biasanya diguna pakai oleh guru dalam kelas ialah projek, senarai semak, soal jawab, kuiz, lembaran kerja, dan ujian bertulis.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Saya menjalankan pentaksiran berteraskan bilik darjah (PBD).

(PKB/CP/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada analisis dokumen peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: Dapat dinilai melalui aktiviti kumpulan Gallery Walk dan lembaran kerja.

(PKB/CAD/ PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Dapat dinilai melalui aktiviti kumpulan Gallery Walk dan lembaran kerja.

(PKA/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Tahap penguasaan dapat dikesan melalui lembaran kerja yang diagihkan.

(PKA/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Persembahan murid dinilai sesama rakan sendiri. Aktiviti Take Five dijalankan dengan membuat perkongsian di hadapan kelas.

(PKB/CAD/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta-peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Penilaian dijalankan ke atas murid sepanjang PdP seperti kaedah pemerhatian telah dipilih oleh guru.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru menilai murid dengan menggunakan kaedah lisan.

(PKB/CP/PK1)

6.1.6 RPH

Berikut merupakan hasil dapatan daripada analisis dokumen peserta-peserta kajian.

Catatan Analisis Dokumen: Guru ada berkongsi dan menulis objektif pembelajaran di papan putih.

(PKA/CAD/ PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Guru ada menjelaskan dan menulis kriteria kejayaan di papan tulis.

(PKB/CAD/ PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Guru menjelaskan objektif pembelajaran dengan murid dan menulisnya di papan tulis.

(PKB/CAD/PK1)

Catatan Analisis Dokumen: Guru ada berkongsi dan menulis kriteria kejayaan yang hendak dicapai oleh murid di hadapan papan putih.

(PKB/CAD/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta-peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Guru berkongsi OP dengan murid.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru menyatakan KK yang hendak dicapai oleh murid.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: OP dan KK telah diterangkan dengan teliti oleh guru.

(PKA/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru telah menulis OP di papan tulis.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: Guru telah menjelaskan KK kepada semua murid supaya difahami KK yang hendak dicapai.

(PKB/CP/PK1)

Catatan Pemerhatian: OP dan KK telah dikongsi dengan murid.
(PKB/CP/PK1)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual bersama peserta-peserta kajian.

Peserta Kajian: Motivasi murid dan keinginan murid untuk belajar bertambah. Murid lebih bersemangat untuk mencari jawapan dan menyelesaikan tugas yang diberi oleh cikgu.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: ... aktiviti PdP yang mengikut pengetahuan sedia ada murid dan isi pelajaran yang hendak dipelajari oleh murid, dan selepas PdP, kita mencatat refleksi untuk sebagai panduan PdP seterusnya. Tetapi, dalam modul TS25, kriteria kejayaan telah dititikberatkan untuk ditulis dan perlu dikongsi dengan murid. Ini kerana ia boleh memberi gambaran kepada murid tentang aktiviti yang boleh mereka lakukan dan hendak dicapai dalam objektif pembelajaran.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Dalam format RPH telah merangkumi objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan. Selain itu, dalam aktiviti PdP yang dirancang juga dikehendaki mempunyai unsur

PAK21 atau KBAT dan cara memberi pentaksiran kepada murid. Justeru, refleksi juga hendak ditulis sebagai panduan untuk PdP seterusnya.

(PKA/TB/PK1)

Peserta Kajian: Pada pendapat saya, perancangan aktiviti dalam PdP terutamanya ketika hendak menentukan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan perlu berdasarkan tahap murid-murid kelas tersebut.

(PKB/TB/PK1)

**CABARAN YANG DIHADAPI OLEH GURU
DALAM PELAKSANAAN MODUL 3: MENERAJUI
PEMBELAJARAN DALAM PROGRAM
TRANSFORMASI SEKOLAH 2025 (TS25) DI
SEKOLAH RENDAH DAERAH SARIKEI**

Antara tema dibahagikan adalah seperti kekangan bahasa, kekangan masa, kekurangan kemahiran guru, kekurangan BBM, dan kelemahan pengurusan sekolah. Jadual 3 berikut adalah perincian tema-tema.

JADUAL 3. Cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran dalam Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di Sekolah Rendah Daerah Sarikei

Kategori	Tema	Subtema
Cabaran yang dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan Modul 3: Menerajui Pembelajaran dalam Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di Sekolah Rendah Daerah Sarikei	6.2.1 Kekangan bahasa	- bangsa murid
	6.2.2 Kekangan masa	- masa kerja guru
	6.2.3 Kekurangan kemahiran guru	- pelaksanaan masa PdP
	6.2.4 Kekurangan BBM	- kekurangan latihan
	6.2.5 Kelemahan pengurusan sekolah	- pedagogi pengajaran guru - kekurangan bahan TMK - format RPH

6.2.1 Kekangan Bahasa

a. Bangsa murid

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual peserta kajian.

Peserta Kajian:Selain itu, murid di SJKC kurang faham BM juga amat menyukarkan pelaksanaan PdP secara berkesan di dalam kelas.....

(PKA/TB/PK2)

Peserta Kajian:masa guru di sekolah lebih kepada kerja kekeranian, bukannya berfikir untuk merancang aktiviti PdP.....

(PKA/TB/PK2)

b. Masa PdP BM

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Aktiviti "Gallery Walk" masih memerlukan masa yang banyak.

(PKA/CP/PK2)

6.2.2 Kekangan Masa

a. Masa Kerja Guru

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual peserta kajian.

6.2.3 Kekurangan Kemahiran Guru

a. Kekurangan Latihan

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual peserta kajian.

Peserta Kajian:Guru-guru di sekolah kurang menguasai kemahiran dan kurang menyesuaikan diri untuk melaksanakan TS25 dalam PdP.....

(PKA/CP/PK2)

b. Pedagogi Pengajaran Guru

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: Guru kurang memberi pelbagai soalan kepada murid.

(PKB/CP/PK2)

6.2.4 Kekurangan Bbm

a. Kekurangan Bahan TMK

Berikut merupakan hasil dapatan daripada pemerhatian peserta kajian.

Catatan Pemerhatian: LCD rosak.

(PKB/CP/PK2)

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual peserta-peserta kajian.

Peserta Kajian: Namun, capaian internet di sekolah saya ini pun kurang stabil, kadang-kadang ada, kadang-kala pula tiada.

(PKA/TB/PK2)

Peserta Kajian:..... Sekolah kami juga susah untuk mencapai talian.....

(PKB/TB/PK2)

Peserta Kajian: ...cabaran yang paling ketara ialah penyediaan BBM dan kepelbagaian aktiviti dalam PdP. Hal ini disebabkan murid-murid mempunyai tahap penguasaan yang amat jauh beza.

(PKB/TB/PK2)

Peserta Kajian: Kos dan kekurangan bahan-bahan dalam penyediaan BBM di sekolah luar bandar adalah saya dan guru-guru lain selalu hadapi di sekolah ini.

(PKB/TB/PK2)

6.2.5 Kelemahan Pengurusan Sekolah

a. Format RPH

Berikut merupakan hasil dapatan daripada temu bual peserta kajian.

Peserta Kajian: ...pihak sekolah tidak menyediakan dan menyelaraskan satu format penyediaan RPH TS25 kepada semua guru.

(PKB/TB/PK2)

PERBINCANGAN KAJIAN

PELAKSANAAN MODUL 3: MENERAJUI PEMBELAJARAN DALAM PROGRAM TRANSFORMASI SEKOLAH 2025 (TS25) DI SEKOLAH RENDAH DAERAH SARIKEI

Pelbagai Gaya Pembelajaran Murid

Setiap murid mempunyai gaya pembelajarannya tersendiri. Sebagai seorang guru mestilah mengenali dan mengetahui gaya pembelajaran murid sendiri supaya dapat mengendalikan pelbagai gaya pembelajaran murid untuk mencapai keberkesanan PdP (Mohd Rassidi Saini dan Mohd Isa Hamzah 2023). Hasil dapatan kajian daripada temu bual, catatan pemerhatian dan analisis dokumen telah melaporkan perancangan aktiviti PdP perlu memenuhi semua gaya pembelajaran murid. Hal ini disebabkan kepelbagaian gaya pembelajaran telah dibahagikan kepada 4 jenis, iaitu gaya pembelajaran, kecerdasan pelbagai, *brain-based learning* dan pembelajaran pembezaan.

Di samping itu, guru juga perlu mengesan semua gaya pembelajaran murid yang sedia ada di dalam kelas sebelum bermulanya PdP. Hal ini demikian apabila guru dapat mengetahui gaya pembelajaran muridnya, guru dapat merancang aktiviti PdP yang bersesuaian dengan semua gaya pembelajaran muridnya. Berdasarkan dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru perlu membuat perancangan PdP dengan teliti supaya dapat memenuhi semua gaya pembelajaran murid di dalam kelas (Jamilah Sulaiman 2022). Guru juga perlu mempelbagaikan kaedah dan pendekatan pengajaran supaya semua murid dapat mempelajari PdP yang disampaikan oleh guru. Dengan ini, barulah murid dapat memahami isi kandungan PdP yang telah disampaikan oleh guru.

PAK21

Berdasarkan dapatan kajian yang dikumpul, aktiviti PAK21 dapat melibatkan murid untuk berkolaboratif, berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi serta memupuk nilai dan etika. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Mohd Rassidi Saini dan Mohd Isa Hamzah (2023), iaitu pengaplikasian PAK21 dalam PdP dapat memberi kesan positif, iaitu murid dapat berfikir secara kreatif dan kritis dengan melalui aktiviti pembelajaran yang telah dirancang oleh guru. Justeru, murid dapat menunjukkan minat yang tinggi apabila diberi peluang untuk menerokai jawapan dan membuat persembahan di

hadapan kelas. Dapatan ini dipersetujui oleh kajian Jamilah Sulaiman dan Siti Noor Ismail (2020) yang menyatakan bahawa penguasaan guru dalam kemahiran PAK21 dapat menyediakan murid sebagai insan masa depan untuk bersaing dalam pasaran global.

Dalam erti lain, PAK21 membolehkan guru mempelbagaikan strategi pengajaran dengan penggunaan TMK bagi menyediakan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan bermakna (Jamilah Sulaiman 2022). Guru yang mempunyai kecekapan yang tinggi dapat menghasilkan lebih banyak idea dan mempraktikkan kemahiran PAK21 kepada murid melalui perancangan PdP yang lebih sistematik dan sempurna yang turut disokong oleh (Noor Aini Ahmad 2014). Pembelajaran melalui TMK dapat merangsang pemikiran murid dan menarik minat murid untuk belajar BM. Ini adalah faktor kejayaan akademik murid-murid (Serirama et al. 2019).

BBM

Teknologi menerajui pengalaman PAK21 secara bermakna (KPM 2017). Sebagai seorang guru perlu menguasai ilmu tentang alatan dalam e-pembelajaran atau bersemuka. Berdasarkan dapatan kajian, BBM yang berdasarkan pendigitalan adalah mampu menggalakkan pemikiran KBAT murid dan penglibatan murid secara aktif dalam PdP. Hal ini disebabkan penggunaan alatan digital dapat melahirkan dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan dapat mencungkil KBAT dalam kalangan murid. Kajian Darling Aduana dan Heinrich (2018) telah menyokong bahawa guru perlu mengaplikasikan pepadogi pengajaran berasaskan TMK dalam pengajaran mereka.

Selain itu, berdasarkan dapatan kajian juga menunjukkan bahawa dengan penggunaan BBM dalam PdP, penglibatan murid adalah aktif. Hal ini disebabkan murid dapat bekerjasama dan berkomunikasi antara satu sama lain untuk mencuba menjawab soalan dengan betul. Ini kerana dengan penggunaan BBM, murid berasa pembelajaran mereka adalah menyeronokkan (Nor Farhah Saidin 2014). Dalam kajian Ainnieda Lataq Impak dan Nor Azwahanum Nor Shaid (2023), pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid dapat menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman isi pelajaran dengan kaedah pengajaran guru. Kajian Muhammad Sidek Said dan Arfah Ahmad (2017) turut memberi pendapat yang hampir sama,

iaitu program *i-think* adalah sebagai alat dalam menerajui kejayaan program TS25. Kajian mereka juga menyatakan modul TS25 boleh membimbing guru-guru sekolah dalam menambah baik aktiviti PdP mereka.

Pentaksiran Murid

Aspek pentaksiran murid dalam PdP adalah amat penting (Gronlund 2006). Ini kerana selepas pentaksiran diberikan kepada murid, guru mampu menilai hasil pembelajaran murid dengan lebih tepat dan berkesan. Berdasarkan hasil kajian, guru telah menunjukkan pemahaman yang tinggi tentang cara pelaksanaannya. Justeru, guru juga memahami jenis-jenis pentaksiran yang boleh diambil dan dibuat semasa PdP berlangsung. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Ainnieda Lataq Impak dan Nor Azwahanum Nor Shaid (2023) yang telah menunjukkan tahap pengetahuan terhadap amalan pentaksiran penilaian adalah sederhana. Hal ini disebabkan guru beranggapan bahawa amalan pentaksiran penilaian dalam bilik darjah kurang penting untuk dilaksanakan.

RPH

RPH adalah satu dokumen penting yang perlu disediakan kepada seseorang guru yang berprofesional sebelum menjalankan proses PdP. Ini kerana penulisan RPH telah tertakluk dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Dalam Modul 3: Menerajui Pembelajaran (KPM 2017), kriteria kejayaan dikehendaki ditulis dan dikongsikan kepada murid sebelum bermula proses PdP kerana dengan kaedah ini murid menunjukkan minat untuk belajar apabila diberitahu sasaran yang hendak dicapai pada akhir sesi PdP. Selain itu, dengan perkongsian kriteria kejayaan dengan murid, murid lebih terdorong untuk mencari jawapan dan menyelesaikan masalah semasa menjalankan aktiviti atau tugas serta lebih memahami kemahiran atau ilmu pengetahuan yang telah disampaikan oleh guru pada akhir sesi pengajaran. Oleh itu, penulisan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan mestilah berdasarkan elemen-elemen KBAT yang mampu mencungkil pemikiran murid.

Dapatan kajian ini telah dipersetujui dan diselaraskan dalam kajian Sulaiman (2022), iaitu objektif pembelajaran adalah untuk menetapkan bidang atau kemahiran yang hendak diperkembangkan dalam diri murid. Dalam kata seerti, objektif pembelajaran adalah satu panduan kepada guru dalam pelaksanaan PdP. Menurut Mok

Soon Sang (2008), penulisan RPH dapat menjamin keberkesanan PdP. Dalam penulisan RPH, guru perlu menetapkan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan lalu berkongsi bersama dengan murid. Menurut Nur Ain Elzira Abdullah (2018), penentuan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan perlu berdasarkan pengetahuan sedia ada murid, kebolehan murid, gaya pembelajaran murid dan standard pembelajaran. Dalam kajian Mahzan et al. (2018) juga menyatakan bahawa penentuan objektif dalam RPH adalah amat penting.

Peranan Guru

Berdasarkan modul ini, guru dikehendaki membuang cara pengajaran yang lama dan digantikan dengan cara pengajaran yang baharu, iaitu guru perlu bertindak sebagai perancang sebelum, semasa dan selepas PdP berlangsung (KPM, 2017). Guru perlu menentukan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan, menentukan sumber dan bahan, meramal iklim bilik darjah dan membuat persediaan awal, serta merancang PdP dengan teliti. Menurut Mok Soon Sang (2008), penulisan RPH dapat menjamin keberkesanan PdP. Dalam penulisan RPH, guru perlu menentukan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan sebelum bermula PdP dan perlu berkongsi bersama murid semasa PdP dijalankan. Dalam perancangan aktiviti PdP, guru perlu menentukan strategi pengajaran yang sesuai sebelum memulakan proses PdP. Pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dapat menyenangkan murid faham apa yang disampaikan oleh guru.

Selain itu, guru perlu menentukan sumber dan bahan supaya PdP boleh dijalankan dengan lebih berkesan. Dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa dengan penggunaan sumber dan bahan dalam PdP, murid dapat melibatkan diri secara aktif dan boleh menyelesaikan masalah yang diberi oleh guru. Guru juga dikehendaki meramal iklim bilik darjah dan membuat persediaan awal. Dalam kajian ini, guru telah membuat persediaan dan meramal iklim bilik darjah seperti membuat perancangan tahunan, takwim sekolah, RPH dan sebagainya. Akhir sekali, guru juga perlu membuat perancangan PdP dengan teliti untuk menjamin semua murid dalam kelas dapat mengetahui dan memperoleh pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Dalam kajian ini, guru telah membuat persediaan dengan merancang RPH sebelum PdP bermula. Dalam kandungan RPH perlu merangkumi objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan, serta langkah-langkah pelaksanaan aktiviti PdP.

CABARAN YANG DIHADAPI OLEH GURU DALAM PELAKSANAAN MODUL 3: MENERAJUI PEMBELAJARAN DALAM PROGRAM TRANSFORMASI SEKOLAH 2025 (TS25) DI SEKOLAH RENDAH DAERAH SARIKEI

Kekangan Bahasa

Dalam kajian ini telah menunjukkan bangsa murid adalah cabaran yang paling ketara di sekolah jenis kebangsaan Cina. Dalam sekolah jenis kebangsaan Cina, majoriti muridnya adalah berbangsa Cina. Hal ini disebabkan murid berbangsa Cina kurang mempraktikkan diri mereka untuk berkomunikasi dalam BM. Kajian Ainnieda Lataq Impak dan Nor Azwahanum Nor Shaid (2023) telah mempersetujui dapatan kajian ini, iaitu dalam hasil dapatan mereka turut telah menunjukkan kesalahan aspek tanda baca dan penggunaan imbuhan dalam ayat merupakan kesalahan sering dinampak dan dilakukan oleh murid bukan penutur natif. Selain itu, Yee Bee Choo (2019) dalam kajiannya juga menunjukkan murid bukan penutur natif sukar menguasai kemahiran BM dalam penulisan karangan.

Kekangan Masa

Masa perancangan PdP yang singkat juga merupakan antara cabaran yang besar dalam pelaksanaan dan perancangan PdP dengan teliti berdasarkan Modul TS25. Dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa masa kerja guru tidak berfokus kepada perancangan aktiviti PdP. Hal ini disebabkan guru menggunakan masa membuat kerja kertas dan kerja kekeranian lebih banyak daripada membuat perancangan aktiviti PdP. Dalam kajian Mohd Rassidi Saini dan Mohd Isa Hamzah (2023) telah menunjukkan sekiranya guru kurang menggunakan masa dalam perancangan PdP, ia mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program TS25 di sekolah. Kajian mereka turut menunjukkan bahawa dengan bebanan tugas yang banyak, guru menghadapi stres.

Kekurangan Kemahiran Guru

Berdasarkan dapatan kajian ini, guru-guru di sekolah telah menghadapi masalah kekurangan latihan mengenai modul TS25. Hal ini disebabkan guru yang terlibat dalam kursus Modul TS25 yang dianjurkan oleh PPD hanya diwakili oleh wakil sekolah ataupun pentadbir sekolah saja. Dengan ini, guru kurang pendedahan dan pelaksanaan mengenai pelaksanaan TS25 dalam PdP. Pendapat ini disokong oleh dapatan kajian kajian Teck Chau dan Mohd Radzi (2023) yang mengatakan bahawa terdapat

segelintir pentadbir sekolah yang masih belum dapat mempraktikkan dan menguasai apa yang telah dipelajari daripada modul latihan program TS25. Kaedah pengajaran guru juga merupakan satu siri aktiviti pengajaran yang telah ditekankan dalam Model Pengajaran Robert Glaser (1968). Dalam kajian Darling Aduana dan Heinrich (2018) telah menyatakan untuk melaksanakan proses PdP dengan berkesan dan lancar, guru perlu mengaplikasikan pedagogi pengajaran berasaskan TMK. Pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid dapat menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman isi pelajaran dengan kaedah pengajaran guru (Effandi Zakaria 2011).

Kekurangan BBM

Dalam kajian ini, kekurangan kemudahan TMK adalah cabaran terhadap guru. Menurut Mohd Rassidi Saini dan Mohd Isa Hamzah (2023), infrastruktur dan persekitaran pembelajaran di sesebuah sekolah adalah satu cabaran bagi guru. Hal ini disebabkan kemudahan infrastruktur yang lengkap dapat memudahkan guru menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Lokasi sekolah yang jauh dari bandar ataupun berada di kawasan peladangan turut amat mencabarkan guru untuk membuat perancangan PdP. Dapatan ini disokong dengan kajian Razak et al. (2019) yang menjalankan kajian di sekolah luar bandar di Malaysia yang mendapati kelewatan pembiayaan dari pihak kerajaan telah memberi kekangan kepada PdP guru. Kenyataan ini turut disokong oleh Jamilah Sulaiman dan Siti Noor Ismail (2020) yang berpendapat, sekolah rendah di Turki kekurangan perkakasan dan bahan perisian pengajaran berkualiti tinggi yang sesuai kerana peruntukan kewangan yang terhad untuk kemudahan e-pembelajaran. Kajian Jamilah Sulaiman dan Siti Noor Ismail (2020) cukup meyakinkan kerana mereka membuat kajian perbandingan antara tahun 2005 dan 2011.

Kelemahan Pengurusan Sekolah

Berdasarkan dapatan kajian, pihak pemimpin sekolah tidak menyelaraskan dan menyediakan format penulisan RPH kepada guru-guru di sekolah. Dengan ini, berlakunya kekeliruan mengenai format penulisan RPH yang berteraskan modul TS25 dalam kalangan guru. Dalam kajian Chiew Chin Mon, Jeffri Mat Yasin dan Siti Aishah Ashaari (2014) telah membuktikan bahawa pemantauan sekali kala menyebabkan guru kurang menyedari kepentingan

pelaksanaan Modul TS25 untuk menjadikannya sebagai amalan pengajaran guru (Rohaida Mazlan dan Zamri Mahamod 2016).

IMPLIKASI TERHADAP PENGAJARAN GURU

Kajian ini dapat membimbing guru untuk merancang aktiviti PdP dalam RPH dengan teliti. Dalam RPH, ia membimbing guru membuat penetapan objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan dan guru mengetahui manfaat perkongsian objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan dengan murid. Berdasarkan kajian ini, guru juga mengetahui cara penulisan RPH yang berteraskan TS25. Guru dapat diberi gambaran yang jelas dan nyata apabila membuat pentaksiran murid. Ini kerana objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan telah ditulis dan dikongsi bersama murid. Dalam kajian ini, guru boleh mengetahui cara dan jenis penilaian pentaksiran yang boleh diambil terhadap murid. Melalui kajian ini, guru dapat membuat pentaksiran murid sepanjang PdP dengan tepat dan berkesan. Konklusinya, kajian ini mendatangkan manfaat yang banyak kepada pengajaran guru dalam subjek BM. Oleh itu, wajarlah guru mempraktikkan amalan TS25 ini ketika membuat perancangan PdP justeru mengaplikasikan dalam proses PdP BM.

IMPLIKASI TERHADAP PEMBELAJARAN MURID

Dengan pelaksanaan TS25, gaya pembelajaran murid dapat dikenal pasti, pedagogi pengajaran dipelbagaikan, pelaksanaan PAK21 dalam PdP, penggunaan BBM yang sesuai dengan tahap pembelajaran murid serta berkongsi objektif pembelajaran dan kriteria kejayaan dengan murid. Dengan mengaplikasikan PAK21 seperti terkandung dalam modul TS25, murid dapat diberi peluang untuk mempelajari cara menyelesaikan masalah dan melibatkan diri secara aktif dalam PdP. Justeru, pelaksanaan PAK21 juga dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Apabila murid dikongsikan OP dan KK, murid diberikan gambaran dan sasaran pembelajaran yang jelas dan nyata sebelum bermulanya aktiviti PdP. Selain itu, murid dapat belajar cara bekerjasama antara rakan sebaya dan guru. Apabila guru mengasingkan murid dalam kumpulan dan menyediakan BBM dalam PdP berdasarkan tahap pembelajaran murid, murid dapat bekerjasama dan berkomunikasi antara satu sama

lain untuk mencuba menjawab soalan. Oleh itu, kajian ini haruslah diteruskan dan modul TS25 perlu diperluaskan serta diperkukuhkan lagi dalam proses PdP BM.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini memberikan kesedaran kepada guru BM khususnya di sekolah luar bandar agar sentiasa menyiapkan diri dengan sebarang transformasi dalam pendidikan. Masalah lokasi tempat berkhidmat bukan menjadi alasan untuk tidak membekalkan diri dengan pelbagai pengetahuan khususnya berkaitan pelaksanaan TS25. Dapatan kajian juga memberikan kesedaran kepada pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk mengadakan program pendedahan berkaitan program TS25. Pihak sekolah juga dicadangkan memberikan latihan atau kursus kepada guru-guru di sekolah mengenai program TS25.

Guru juga dicadangkan haruslah sentiasa berfikir inovatif dan berfikir kreatif untuk menangani masalah yang tidak dijangka khasnya apabila dalam pelaksanaan proses PdP. Dalam kajian temu bual telah menunjukkan peserta kajian bersetuju sekiranya persekitaran pembelajaran murid dapat diperkasakan dengan berpandukan modul TS25. Sebagai cadangan datang, pengkaji berharap kajian ini boleh memperluaskan kepada skop yang lebih besar memandangkan program TS25 merupakan dasar pendidikan demi memperkasakan pendidikan Malaysia ke arah yang lebih berkualiti.

RUJUKAN

- Abdul Muttalip. 2020. Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(2): 29–42.
- Abg Abu Nawas, Abg Ashmirul, Jhassy Manja, Caltinie, Abdul Rasid & Zainal Abiden. 2024. Pandangan dan cabaran guru kolej vokasional terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam tempoh pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan* 6(2): 111–125.
- Ainnieda Lataq Impak & Nor Azwahanum Nor Shaid. 2023. Pembelajaran terbeza dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 205–216.
- Bandura, A. 1986. *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Prentice Hall, Inc.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2018. *Research Methods in Education (8th ed.)*. Routledge.
- Creswell, J.W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications, Inc.
- Darling-Aduana, J. & Heinrich, C.J. 2018. The role of teacher capacity and instructional practice in the integration of educational technology for emergent bilingual students. *Computers dan Education* 126: 417–432.
- Elga Yanuardianto. 2019. Teori kognitif sosial albert bandura (studi kritis dalam menjawab problem pembelajaran di MI). *Auladuna Jurnal Prodi Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah* 1(2): 94–111.
- Feriha Soysal, Busra Alma Calli & Erman Coskun. 2019. Intra and intergenerational digital divide through TMK literacy, information acquisition skills, and internet utilization purposes: An analysis of Gen Z. *TEM Journa* 8(1): 264–274.
- Ghaziah & Nabilah. 2010. Learning from Children: Issues, Strategies and Problems in Conducting Qualitative Research Among Young Subjects in Malaysia. Paper Presented at The Qualitative Research Association of Malaysia Convention (QRAMC), University of Malaya.
- Glaser. 1968. *Concept of Learning and Concept of Teaching: Learning Research and School Subjects*. Illinois: Peacock.
- Hasnah Isnong & Jamaludin Badusah. 2017. Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1): 56–65.
- Ismail Said, Khaljah Ahmad, Rohani Seman, Ros Silwati Ahmad & Mohd Fauzi Fadzil. 2020. Aplikasi 4K 1N dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad 21: satu kajian terhadap pengajaran guru tingkatan enam di daerah Kubang Pasu. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 19(1): 64–79.
- Jamilah Sulaiman & Siti Noor Ismail. 2020. Teacher Competence and 21st Century Skills in Transformation Schools 2025 (TS25). *Universal Journal of Educational Research* 8(8): 3536–3544.
- Jamilah Sulaiman. 2022. Pengaruh pembangunan profesionalisme berterusan sebagai mediator terhadap hubungan antara kompetensi profesional guru dan kemahiran abad ke-21 guru sekolah menengah TS25. Doctoral Thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Kassim, Abdul Razak, Alias, Bity Salwana & Mohamed Idrus, Rosafizah. 2022. Kepimpinan maya guru besar dan kesediaan guru terhadap perubahan di sekolah program TS25. *Akademika* 92: 45–58.
- Kementerian Pendidikan Guru. 2018. *Modul 3: Menerajui Pembelajaran Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Standard Guru Malaysia 2.0*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Masyuniza Yunos. 2015. Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(2): 22–30.
- Mcmillan, J. H. & Schumacher, S. 2000. *Research in Education: A Conceptual Introduction (5th Ed.)*. Allyn and Bacon.
- Mercy Cythia Poobalan & Muhammad Sofwan Mahmud. 2022. Tahap Pengetahuan dan Persepsi Guru terhadap Pengaplikasian TMK dalam Pengajaran Matematik Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences And Humanities* 7(11): e001885.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised And Expanded from Case Study Research in Education (2nd ed.)*. Jossey-Bass Inc Pub.

- Mohd Zaidi Haji Mohd Zeki, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Rafiza Abd. Razak. 2020. Cabaran pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah pedalaman: bersedialah dalam melaksanakan KBAT? *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 8(1): 2289–3008.
- Muhammad Sidek Said & Arfah Ahamad. 2017. Program i-Think dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) memacu kejayaan program transformasi sekolah 2025 (TS25). *Jurnal Penyelidikan* 3: 83–100.
- Noor Aini Ahmad. 2014. Mengintergrasi teknologi komunikasi dan maklumat sebagai media pengajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak awal umur. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(2): 36-43.
- Patton, M. Q. 2002. *Qualitative Research dan Evaluation Methods*. SAGE Publications eBooks.
- Viliana Kong Su Hung (pengarang koresponden)
Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
E-mel: p117884@siswa.ukm.edu.my
- Nor Azwahanum Nor Shaid
Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
E-mel: azwahanum@ukm.edu.my
- Rohaida Mazlan & Zamri Mahamod. 2016. Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru bahasa melayu melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2): 173-182.
- Senin. 2018. *Melangkah ke Hadapan: Gerak Kerja dan Fokus Tumpuan KPPM 2018 (1st Ed.)*. Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Shulman, L. S. 1987. Knowledge and Teaching: Foundations of The New Reform. *Harvard Educational Review* 57(1): 1–22.
- Soon San, M. 2010. *Pedagogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Teck Chau, S., & Norfariza Mohd Radzi. 2023. Kepimpinan guru besar dan pelaksanaan program transformasi sekolah (TS25) di Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 10(1): 41-54.
- Vani Perumal & Jamalul Lai Abdul Wahab. 2024. Amalan kepimpinan transformasional guru besar SJKT dan hubungannya terhadap kualiti guru berdasarkan standard 4 SKPMg2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 9(7): 2504-8562.
- Vasuki Muniandy & Zahari Hashim. 2021. Pengaruh kepimpinan distributif terhadap efikasi guru: satu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6(7): 408–415.
- Zamri Mohamad. 2022. *Perancangan Bahasa dalam Konteks Pengajaran Bahasa (Edisi Kedua)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.